

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(XII)23**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA  
YB. DATO' MUHAMAD YUSOFF BIN MOHD NOOR**

23. Berikan jumlah premis yang menjual nombor ekor 4D yang berlesen dan tidak berlesen mengikut daerah.
- (a) Apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengekang daripada pertambahan serta menutup premis yang tidak berlesen?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

23. Lesen premis perniagaan dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) manakala lesen untuk menjalankan aktiviti 4D dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia.

Jumlah premis menjual nombor ekor 4D yang mempunyai lesen perniagaan dan tidak mempunyai lesen perniagaan mengikut daerah di Pulau Pinang adalah seperti berikut:

<b>DAERAH</b>	<b>JUMLAH PREMIS NOMBOR EKOR BERLESEN</b>	<b>JUMLAH PREMIS NOMBOR EKOR TIDAK BERLESEN</b>
Seberang Perai Utara	15	4
Seberang Perai Tengah	25	12
Seberang Perai Selatan	9	10
Barat Daya	8	0
Timur laut	17	0
<b>JUMLAH</b>	<b>74</b>	<b>26</b>

- (a) Tindakan yang telah diambil oleh kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan di Pulau Pinang untuk mengekang pertumbuhan serta menutup premis yang tidak berlesen adalah seperti berikut:
- (i) Memberikan ulasan tidak menyokong kepada Kementerian Kewangan Malaysia berhubung permohonan menjalankan aktiviti perniagaan nombor ekor di kawasan yang telah mempunyai aktiviti perniagaan sama;
  - (ii) Bekerjasama dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk menutup premis kerana kedai nombor ekor yang berniaga tanpa lesen judi adalah di bawah bidang kuasa pihak PDRM;
  - (iii) Mengeluarkan tawaran kompaun dan notis menghendaki perniagaan dihentikan kepada pengusaha perniagaan nombor ekor yang tidak berlesen; dan
  - (iv) Mengambil tindakan undang-undang di mahkamah di bawah Akta Kerajaan Tempatan dan Undang-Undang Kecil Bayaran Lesen, MPSP 1980 kerana menjalankan perniagaan tanpa lesen yang sah.

MBSP boleh mengeluarkan kompaun dan Notis Menghenti Perniagaan kepada pengusaha premis nombor ekor tanpa lesen dan membawa kes ke mahkamah. Kuasa untuk menutup kedai nombor ekor yang berniaga tanpa lesen judi adalah di bawah bidang kuasa pihak Polis.

Bagi 26 premis nombor ekor tanpa lesen di kawasan MBSP, sebanyak 13 kompaun dan 19 Notis Menghenti Perniagaan telah dikeluarkan. Daripada 19 notis tersebut, 2 premis telah berhenti beroperasi manakala 17 buah premis lagi akan dijalankan operasi bersepadu bersama pihak Polis selepas tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).